

CNS4571

R GB 21-08 00155 BC423

bah

Mahathir - Laporan

LAPORAN MENGENAI KEBAKARAN PERLU DIKEMUKAKAN. KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Laporan mengenai kejadian kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang yang memusnahkan radar bernilai RM16.5 juta Sabtu lepas perlu dikemukakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita perlu mengemukakan laporan. Kita tidak boleh menyembunyikan apa yang disiasat," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan pertunjukan udara oleh Skuadron Thunderbirds dari Tentera Udara Amerika Syarikat di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) bahawa laporan itu jika dikemukakan boleh menjejaskan imej negara.

Mengenai kesediaan Thomson-CSF, pengeluar radar dari Perancis, memasang sistem radar baru secara percuma menggantikan radar yang musnah itu, beliau berkata Malaysia menghargai kesediaannya berbuat demikian.

"Saya berharap ini tidak dikaitkan dengan dakwaan mengenai rasuah. Tetapi adalah baik jika ada pihak lain sanggup memberinya percuma." -- Lagi

▼21/08/15-59MST

▲  
CNS4574

R GB 21-08 00139 BC424

bah

Mahathir - Laporan 2 Kuala Lumpur

Semalam, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata Thomson-CSF bersedia menggantikan radar yang musnah itu secara percuma.

Mengenai sikap terhadap aspek keselamatan berhubung dengan kebakaran itu, Dr Mahathir berkata proses membentuk perkhidmatan birokrat yang cemerlang mengambil masa yang panjang kerana manusia tidak boleh berubah dengan mudahnya.

"Jangka masa lebih 10 tahun sejak Dasar Pandang Timur dilancar untuk menyemai etika kerja yang positif bukanlah satu jangka masa yang panjang," katanya.

Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata kecuaiian terhadap aspek keselamatan merupakan punca kebakaran yang memusnahkan radar itu.

Mengenai pertunjukan udara berkenaan, Perdana Menteri berkata, pertunjukan seumpama itu penting dalam usaha kerajaan memajukan industri udara.

"Kita memerlukan kebolehan untuk memandu kapal terbang seperti orang lain juga," kata beliau. -- Lagi

▼21/08/16-16MST

▲  
CNS4576

R GB 21-08 00091 BC425

bah

Mahathir - Laporan 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata industri udara perlu diceburi demi memperolehi seberapa banyak kecekapan yang wujud.

"Teknologi industri udara maju dengan pesat dan apabila kita sampai ke tahap itu, Barat lebih jauh ke hadapan. Oleh kerana tahap Barat jauh ke hadapan, maka susah untuk menetapkan jangka masa Malaysia dapat mengeluarkan kapal terbangnya sendiri," kata beliau.

Yang penting sekarang ialah untuk mempelajari bagaimana untuk menggunakan kapal terbang itu, kata Dr Mahathir. -- Bernama.

JSM FAZ

▼21/08/16-19MST

CNS4664

R GB 21-08 00192 BC431

bah

Mahathir - Laporan 4 (akhir) Kuala Lumpur (Samb berita terdahulu)

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kejadian kebakaran yang memusnahkan sistem radar itu tidak seharusnya "disembunyikan".

"Kita tidak harus dan tidak dapat menyembunyikannya kerana apabila kebakaran berlaku, Penerbangan Malaysia (MAS) dan pihak lain yang berkenaan perlu dimaklumkan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Kompleks Trafik Udara Jabatan Penerbangan Awam (DCA) di Subang hari ini.

Menteri Pengangkutan itu berkata beliau telah meminta maaf kepada Dr Mahathir kerana tidak memaklumkan lebih awal kepada beliau mengenai kebakaran itu.

Dr Ling berkata, selama ini beliau berpegang kepada dasar bahawa Ketua Pengarah DCA perlu memaklumkan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mengenai apa-apa "kejadian besar" yang berlaku di lapangan terbang.

Dr Ling juga berkata beliau telah memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru dari semasa ke semasa termasuk tawaran pengeluar radar, Thomson-CSF untuk memasang sistem radar baru bagi menggantikan radar yang musnah itu secara percuma.

Beliau berkata beliau juga akan memberi taklimat kepada Kabinet mengenai perkembangan terbaru pada mesyuarat minggunya pada Rabu. --  
Bernama

ES FAZ

▼21/08/19-02MST